

**SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA**

**AGENDA DIGITALISASI PEMBAYARAN KERAJAAN DIPERTINGKATKAN DENGAN
KEMPEN PEMBAYARAN TANPA TUNAI KEBANGSAAN “CASHLESS BOLEH”**

*Penembusan pembayaran digital kerajaan melebihi 80% dengan Cashless Boleh 3.0,
sasaran 90% menjelang 2025*

PUTRAJAYA, 30 Oktober 2023 – Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), rangkaian pembayaran runcit nasional dan penyedia infrastruktur kewangan berpusat, kekal komited sepenuhnya untuk menyokong agenda digitalisasi kerajaan dengan Kempen Cashless Boleh Kebangsaan bagi menyokong momentum perkembangan pembayaran digital dalam sektor awam.

Perkara ini dinyatakan pada majlis penyampaian hadiah Kempen “Cashless Boleh 3.0” di Auditorium Kementerian Kewangan pada hari ini, dirasmikan oleh YBhg. Datin Rashidah Mohd Sies, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kewangan. Turut hadir ialah pegawai kanan Bank Negara Malaysia dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PayNet, En. Farhan Ahmad.

Kempen yang di dalam siri ketiga ini adalah susulan dua kempen “Cashless Boleh” kebangsaan yang berlangsung selama tempoh 6 bulan yang telah membuahkan beberapa kejayaan. Tiga pencapaian penting dicapai setakat ini:

- **Kadar penembusan pembayaran digital sektor awam secara keseluruhannya telahpun melebihi 80%** pada 81.3 peratus, iaitu peningkatan lebih 22% di peringkat persekutuan dan negeri daripada 58.8 peratus sejadi 2021.
- **Kerajaan Negeri Selangor dan Pulau Pinang Berjaya melepasi 80% penembusan pembayaran digital**
- **Lapan (8) kementerian dan agensi sektor awam yang sebelum ini berasaskan transaksi tunai telah mencapai penembusan pembayaran digital penuh¹**, iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), 155 pihak-pihak berkuasa tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan) melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Perindustrian (MITI), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Mahkamah Persekutuan Malaysia (MPM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis ini memberi penghargaan kepada agensi dan kementerian kerajaan berikut untuk peranan masing-masing dalam memacu penggunaan pembayaran digital sepanjang tempoh kempen Cashless Boleh 3.0:

PERKESO	Kadar Penembusan Tertinggi untuk lebih daripada 3 juta transaksi pembayaran digital
MARA & MPM	Kadar Penembusan Tertinggi untuk lebih daripada 400,000 hingga sehingga 3 juta transaksi pembayaran digital



Jabatan Insolvensi Malaysia

Kadar Penembusan Tertinggi untuk sehingga 400,000 transaksi pembayaran digital

Kerajaan Negeri Selangor

Kadar Penembusan Tertinggi di kalangan semua kerajaan negeri yang mengambil bahagian

PTPTN, JIM, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan melalui KPKT dan MITI

100% kadar penembusan pembayaran digital

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kewangan, *YBhg. Datin Rashidah Mohd Sies* berkata, “Kerajaan kekal fokus kepada peningkatan kecekapan dan ketelusan dalam sektor awam. Kerjasama sektor awam dan sektor swasta penting untuk memajukan agenda pembayaran tanpa tunai negara seperti ini, kerana ia menyumbang secara langsung kepada matlamat tersebut. Peningkatan kecekapan dan kesenangan dinikmati rakyat dari segi masa dan kos apabila berurusan dengan kerajaan nir tunai amat ketara.”

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PayNet, *Farhan Ahmad* berkata, “Sebagai penyedia infrastruktur pembayaran runcit negara, kami berbangga dapat memudah cara perjalanan negara ke arah ekonomi digital. Kami lakukannya dengan menyediakan pembayaran digital kepada rakyat dengan cara yang selamat, mudah diakses dan inklusif.”

“Natiyah membuka potensi pembayaran digital kepada sektor awam amat besar dan ini memberi kesan langsung kepada keterbukaan ekonomi negara ini di samping memupuk lebih kepercayaan dan keyakinan orang ramai, dan dengan itu, mewujudkan persekitaran lebih kondusif untuk memacu inovasi dan kemakmuran saksama. Pada lebih 80%, rakyat dan kerajaan sudah pun dapat merasakan betapa menakjubkan peningkatan kecekapan yang telah diperolehi. Malah, tidak salah untuk saya nyatakan yang impaknya benar-benar transformatif dan suatu fenomena.”

Mengenai Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)

Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) ialah rangkaian pembayaran infrastruktur berpusat bagi pasaran kewangan yang terulung di Malaysia. Kami mempelopori inovasi serta membina dan mengendalikan sistem pembayaran dan infrastruktur pasaran kewangan bertaraf dunia yang membolehkan pelaksanaan dan pembangunan sistem kewangan dan juga ekonomi keseluruhan Malaysia secara selamat, cekap dan boleh dipercayai.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.paynet.my

Hubungan Media

Zunida Harun

zunida@paynet.my